

SULIT

---



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**HGM511 – Bandar dan Komuniti Lestari**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA (2) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan.

...2/-

SULIT

1. Dengan merujuk kepada DUA bandaraya mega, huraikan isu bandaraya mega ini dan seterusnya bandingkan strategi yang digunakan dalam menangani isu-isu tersebut.  
[25 markah]
2. Jelaskan Konsep Sifar Sisa (Zero Waste) dalam strategi bandar sebagai ekosistem lestari dan huraikan kepentingan sistem kitaran dalam pelaksanaan konsep tersebut.  
[25 markah]
3. Bincangkan bagaimana komuniti dapat meningkatkan kebingkasan bandar melalui inovasi.  
[25 markah]
4. Dengan merujuk kepada contoh-contoh di SATU negara maju dan SATU negara membangun, bincangkan sejauh mana sasaran kesihatan dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) ketiga telah dikecapi dan dapat mengatasi masalah ketidakseimbangan dan akses kepada perkhidmatan kesihatan.  
[25 markah]
5. Walaupun negara sedang menuju ke arah negara berpendapatan tinggi dan makmur, masih terdapat isu perumahan yang mewujudkan ketidakseimbangan. Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai dan pengalaman dari negara lain, bincangkan strategi-strategi yang dapat diadaptasi dan digunakan oleh sektor kerajaan dan swasta untuk menambahbaik pasaran hartanah bagi mencapai ekuiti, dan menyelesaikan masalah perumahan di bandar.  
[25 markah]
6. Isu kemiskinan bandar sering melibatkan definisi yang lebih subjektif seperti keterancaman (*vulnerability*), kelayakan dan peminggiran sosial. Bincangkan perkara ini dengan mengambil contoh-contoh relevan dari Malaysia dan negara lain serta bagaimana tadbir urus bandar dapat menjalankan intervensi polisi yang berkesan.  
[25markah]